

04 APR 2002

Parlimen-Pertahanan

PENILAIAN TERPERINCI SEBELUM PEMBELIAN KERETA KEBAL DIPUTUSKAN

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Kerajaan memutuskan untuk membeli kereta kebal dari Poland ketika lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu bulan lepas ini setelah penilaian mengenai kenderaan tentera itu dilakukan secara terperinci.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sebelum itu, kereta kebal jenis PT91 tersebut telah dibawa ke negara ini dan penilaian mendapati kenderaan berkenaan sangat sesuai.

Sebelum lawatan Dr Mahathir, pasukan teknikal Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah dihantar ke Poland dan keputusan pembelian itu ditentukan setelah memperolehi rumusan daripada pasukan berkenaan, katanya ketika menjawab soalan Datuk Mustafa Ali (PAS-Dungun) pada persidangan Dewan Rakyat.

Katanya harga dan bilangan kereta kebal yang akan dibeli dari Poland akan ditentukan tidak lama lagi setelah rundingan mengenainya selesai.

Mengenai sistem kerahan tenaga, Najib berkata setelah kajian terperinci dijalankan, kerajaan mendapati sistem itu tidak sesuai dilaksanakan di negara ini.

Najib berkata ini kerana masih wujud kumpulan militan di kalangan masyarakat dan jika diberikan latihan ketenteraan, ia sangat berbahaya kepada negara.

Sementara itu, ketika menjawab soalan asal Raja Datuk Ahmad Zainuddin Omar, Najib berkata Kementerian Pertahanan mempunyai program bagi meningkatkan keupayaan sumber manusia dan sistem kelengkapan pertahanan selaras dengan senario keselamatan serantau dan kemajuan negara.

"Strategi pembangunan keupayaan ATM juga sentiasa diolah mengikut perkembangan strategik, politik dan ketenteraan serantau dengan mengambil kira perkembangan dinamik teknologi persenjataan dan ICT (teknologi maklumat dan Komunikasi)," katanya.

Katanya ATM turut meningkatkan sistem persenjataan dan teknologi maklumat serta perisikan dan pengawalan melalui atur gerak pesawat udara tanpa juruterbang dan sistem amaran awal udara.

Keupayaan strategik melalui pembelian kapal selam, peningkatan kuasa tembakan dengan pembelian peluru berpandu MLRS dan meriam jarak jauh, akan mengukuhkan kekuatan ATM, katanya.

-- BERNAMA

RZS RZS LAT